



# **PANDUAN PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN**

## **PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B41**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

# Kandungan

## Muka Surat

<b>Pendahuluan</b>	<b>2</b>
<b>Panduan Umum</b>	<b>2</b>
<b>Sukatan Peperiksaan</b>	<b>3</b>
<b><u>Bahagian I</u></b>	
Ujian Amali	<b>3</b>
<b><u>Seksyen A</u></b>	
Bakat Kepimpinan	<b>4</b>
<b><u>Seksyen B</u></b>	<b>5 - 9</b>
Bakat Kesenian	
<b><u>Bahagian II</u></b>	<b>9</b>
Ujian Bertulis	
<b>Panduan Menjawab Soalan</b>	<b>10</b>
<b>Penutup</b>	<b>11</b>

## Pendahuluan

Peperiksaan ini bertujuan mengukur daya pemikiran serta kebolehan calon mengaplikasi maklumat yang diperolehi melalui latihan akademik, bacaan dan pengalaman. Calon-calun yang menduduki peperiksaan adalah dari pelbagai jurusan. Maka, soalan-soalan yang dikemukakan meliputi pelbagai bidang dan mempunyai skop yang luas.

Matlamat peperiksaan ini adalah untuk mengukur kematangan pemikiran calon agar sesuai dengan kualiti serta potensi untuk dilantik sebagai Pegawai Kebudayaan, Gred B41.

Peperiksaan ini melibatkan Bahagian I dan Bahagian II. Bahagian I merangkumi Ujian Amali dan Bahagian II merangkumi Ujian Bertulis.

Kelulusan peperiksaan ini merupakan satu daripada syarat lantikan ke skim tersebut. Calon-calun yang memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia termasuk lulus 'Assessment Centre' akan ditemu duga.

## Panduan Umum Peperiksaan Memasuki Skim Perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Gred B41

1. Pada hari peperiksaan calon hendaklah **membawa**
  - (i) Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan.
  - (ii) Kad Pengenalan.
  - (iii) Pensil 2B, pen dan pemadam lembut.
  - (iv) Peralatan lain yang difikir perlu.
2. Calon perlu berada di pusat peperiksaan **30 minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
3. Calon perlu mematuhi arahan Ketua Pengawas.
4. Calon **tidak dibenarkan** berkomunikasi dengan calon-calun lain. Sila angkat tangan jika ada masalah atau sebarang pertanyaan.

5. Calon hanya boleh meninggalkan pusat peperiksaan **30 minit** selepas peperiksaan dimulakan.
6. Jawapan hendaklah dibuat dalam
  - (i) Kertas OMR - bagi Seksyen A dan B
  - (ii) Kertas tulis SPA - bagi Seksyen C dan D
7. Nombor Kad Pengenalan pada kertas jawapan hendaklah **sama** seperti dalam Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan.
8. Rujukan kepada mana-mana bahan adalah **tidak** dibenarkan.
9. Calon mesti **berpakaian kemas**, sopan dan tidak menjolok mata.
10. Penggunaan mesin kira adalah **tidak** dibenarkan.

<p style="text-align: center;"><b>Sukatan Peperiksaan Memasuki Skim Perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Gred B41</b></p>
---

Peperiksaan ini mengadungi dua bahagian iaitu:

- i) Bahagian I - Ujian Amali
- ii) Bahagian II- Ujian Bertulis.

**BAHAGIAN I - UJIAN AMALI**

Bahagian ini mengandungi **dua** seksyen Seksyen A iaitu Bakat Kepimpinan dan Seksyen B iaitu Bakat Kesenimanan.

## SEKSYEN A - BAKAT KEPIMPINAN

Dalam Seksyen ini calon-calon akan diuji bakat dan kebolehan dalam perkara-perkara berikut:

- a) Pengucapan Awam (*Public Speaking*)
- b) Perbincangan Kumpulan

### a) **PENGUCAPAN AWAM (*PUBLIC SPEAKING*)**

1. Calon-calon diuji bakat dan kebolehan dalam pengucapan awam, yang bertujuan untuk melihat kemampuan calon menghadapi audien dalam tugas-tugasnya serta berkebolehan menghurai sesuatu perkara.
2. Penilaian adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :
  - a) Isi kandungan
  - b) Keupayaan menghurai sesuatu perkara (subjek)
  - c) Kelancaran
  - d) Gaya
3. Calon-calon akan diberi masa **20 minit** untuk menyediakan bahan pengucapan dan **10 minit** untuk membuat ucapan.

### b) **PERBINCANGAN KUMPULAN**

1. Calon-calon akan diuji kebolehan memberi idea-idea yang bernas terhadap sesuatu perkara yang dikemukakan.
2. Penilaian / pemarkahan akan diberi seperti berikut :
  - a) Isi kandungan
  - b) Kebolehan/*Respon* yang bersifat '*analysis*'
  - c) Kelancaran
  - d) Tertib
3. Calon-calon akan diberi masa **15** minit untuk seksyen ini.

## SEKSYEN B - BAKAT KESENIMANAN

Dalam seksyen ini calon-calon akan diuji bakat dan kebolehan dalam **dua** dari bidang-bidang berikut:

### Jenis Bidang:

- a) Seni Tari
- b) Seni Lakon
- c) Seni Muzik
- d) Seni Sastera
- e) Seni Lukis

### a) SENI TARI

- 1) Amali - Calon-calon akan diminta melakukan tarian-tarian berikut : Inang, Zapin, Joget, dan **satu** pergerakan silat.

Markah akan diberi untuk setiap jenis dan dinilai dari segi :

- a) Keselarasan gerak dengan rentak
- b) Ketepatan tari
- c) Posture dan Gesture

- 2) Mengenal pasti lapan (8) negeri asal jenis-jenis muzik iringan tari yang diperdengarkan dan menamakan nama tari yang berikutan.

- Masa : 5 minit persiapan dan 10 minit ujian

### b) SENI LAKON

Beberapa suasana lakon (situasi) dan skrip akan diberi untuk calon membuat improvisasi pembahagian markah adalah seperti berikut :

- (a) Penghayatan
- (b) Pergerakan
- (c) Pengucapan
- (d) Daya Ingatan

- Masa : 5 minit persiapan dan 10 minit ujian

c) **SENI MUZIK**

Calon-calon dibenarkan memilih **satu** dari bidang berikut :

- i. Muzik Moden **atau**
- ii. Muzik Tradisional / Ethnik

**1. Muzik Moden**

Calon akan diuji kebolehan membaca muzik bernota dan muzik melalui ngatan (by-heart)

**(a) Muzik Bernota**

Nota akan diberi dari lagu popular dan ciptaan tempatan tanpa memberi nama lagu dan penciptanya. Markah akan diberi berdasarkan :

- i. Kelancaran
- ii. Tone quality
- iii. Expression / Gaya

**(b) Muzik Melalui Ingatan (*By Heart*)**

Panel akan memberi satu lagu popular masakini atau lagu-lagu evergreen Melayu untuk dimainkan tanpa nota. Markah ialah seperti berikut :

- i. Kelancaran
- ii. Tone quality
- iii. Expression / Gaya

**2. Muzik Tradisional / Etnik**

Calon dikehendaki bermain muzik dalam dua keadaan.

**(a) Pilihan Bebas**

Calon bebas memainkan lagu tradisional / ethnik secara pilihan sendiri mengikut ingatan dan lagu yang diketahuinya. Markah akan diberi berdasarkan :

- i. Ketepatan/Kelancaran
- ii. Expression/Gaya

**(b) Muzik Iringan untuk Tari atau Silat**

Markah akan diberi berdasarkan:

- i. Ketepatan/Kelancaran
- ii. Expression/Gaya

- Masa : 5 minit persiapan dan 10 minit persembahan

**- INGATAN:**

Calon-calun dikehendaki membawa alat-alat muzik (moden atau tradisional) sendiri. Alat-alat itu hendaklah yang senang dibawa.

**d) SENI SASTERA**

**1. Penulisan**

Calon akan diberi beberapa sinopsis yang menggambarkan sesuatu situasi dan calon dikehendaki mencipta **puisi** yang minima 20 perkataan. Markah akan diberi berdasarkan:

- i. Ketepatan Interpretasi
- ii. Kualiti Keseluruhan

- Masa : 10 minit

**2. Pengucapan**

Calon dikehendaki membaca / mendeklamasi hasil puisi yang telah dicipta seperti di atas dan markah diberi berdasarkan:

- a) Gaya / Penghayatan
- b) Deklamasi / Intonasi
- c) Kelancaran

- Masa : 5 minit



**e) SENI LUKIS**

Calon-calon hanya dikehendaki membuat lukisan lakar sahaja dan diminta memilih salah satu dari bidang-bidang seni lukis berikut :

**1. Lukisan Potret**

Calon diminta melukis salah seorang dari orang kenamaan melalui ingatan. Calon hendaklah menggunakan pensil hitam dalam membuat lukisan ini.

Pembahagian markah untuk kategori berikut ialah :

- i. Idea kreatif yang berkesan
- ii. Keindahan Keseluruhan
- iii. Ketepatan dengan situasi

- Masa : 25 minit

**2. Lukisan Objek**

Calon diminta melukis satu atau beberapa objek yang disediakan. Calon hendaklah menggunakan pensil hitam dalam membuat lukisan ini.

Pembahagian markah untuk kategori berikut ialah :

- i. Idea kreatif yang berkesan
- ii. Keindahan Keseluruhan
- iii. Ketepatan dengan situasi

- Masa : 25 minit

**3. Lukisan Imajinasi**

Calon diberi satu tajuk dengan sinopsis yang sesuai untuk dilakar dengan menggunakan pensil warna.

Pembahagian markah untuk kategori berikut ialah :

- i. Idea kreatif yang berkesan
- ii. Keindahan Keseluruhan
- iii. Ketepatan dengan situasi

- Masa : 25 minit

#### 4. Lukisan Grafik

Calon akan diberi satu kenyataan dan dikehendaki melukis satu poster berdasarkan kenyataan tersebut dengan menggunakan pensil hitam dan pensil warna.

Pembahagian markah untuk kategori berikut ialah :

- i. Idea kreatif yang berkesan
- ii. Keindahan Keseluruhan
- iii. Ketepatan dengan situasi

- Masa : 25 minit

### **BAHAGIAN II - UJIAN BERTULIS**

Bahagian ini mengandungi **60 soalan** aneka pilihan dengan **4 pilihan** jawapan dikemukakan. Peruntukan masa ialah 1 Jam. Soalan-soalan dalam bahagian ini meliputi bidang-bidang berikut :

#### **a) Pentadbiran Kebudayaan**

- i) Sistem pentadbiran kebudayaan
- ii) Badan-badan Sukarela Peringkat Persatuan (NGO).
- iii) Undang-undang dan peraturan mengenai pentadbiran kesenian

#### **b) Penyusunan Kerja-Kerja Kreatif**

- i) Pengetahuan Am mengenai seni pentas (*performing arts*)
- ii) Pengetahuan asas mengenai pengurusan produksi (termasuk seranta dan pemasaran)

#### **c) Pengetahuan Am Mengenai Kebudayaan**

- i) Adat resam berbilang kaum dan suku kaum.
- ii) Jenis, bentuk, corak dan ciri yang terdapat di dalam bidang tarian, drama, muzik dan seni tampak.
- iii) Falsafah-falsafah dalam kesenian.
- iv) Tokoh-tokoh dalam bidang kebudayaan dan kesenian dalam dan luar negara.

#### **d) Dasar-dasar Kerajaan**

- i) Pengetahuan Am tentang dasar-dasar Kerajaan mengenai ekonomi, sosial dan hubungan antarabangsa.

## Panduan Menjawab Soalan

Nasihat-nasihat berikut diharap dapat membantu calon-calon dalam peperiksaan ini.

### Soalan Objektif

- (a) Calon perlu peka bahawa kesemua calon yang menduduki peperiksaan ini adalah dari pelbagai bidang akademik. Soalan-soalan yang dikemukakan juga meliputi kesemua bidang akademik. Oleh yang demikian, terdapat beberapa soalan yang berkemungkinan sukar untuk individu tertentu menjawab kerana berada di luar bidang pengkhususan. Soalan-soalan tersebut, walau bagaimanapun, mungkin sesuai untuk calon lain yang berpengetahuan dalam bidang tersebut. Oleh itu, jika terdapat soalan yang tidak boleh dijawab dinasihatkan agar calon tidak membuang masa dan terus menjawab soalan-soalan yang berikutnya. Apabila masa mengizinkan kembali kepada soalan tersebut.
  
- (b) Soalan objektif adalah soalan aneka pilihan, **4 opsyen** jawapan dikemukakan dan calon perlu **memilih 1 jawapan** sahaja. Jawapan yang diberi hendaklah betul dan merupakan jawapan yang paling tepat. Oleh itu, calon-calon hendaklah membaca dan mengkaji ke semua opsyen yang dikemukakan.
  
- (c) Bagi merekod jawapan, calon dibekalkan borang khas yang akan diproses menggunakan komputer. Ditegaskan agar calon menggunakan **pensil 2B sahaja**. Sekiranya calon menggunakan alat tulis yang lain seperti pen, jawapan calon tidak diambil kira kerana komputer tidak dapat memprosesnya. Jika calon perlu membuat perkiraan, jawapan contoh dan sebagainya, gunakan kertas lain atau buku soalan. Borang yang dibekalkan adalah khusus untuk merekod jawapan.

Penutup

Calon sekali lagi dinasihatkan supaya cuba mendapatkan markah yang terbaik. Jika lulus, calon mungkin berpeluang untuk dipanggil temu duga. Ini bermakna peluang untuk dipertimbangkan ke jawatan Pengawai Kebudayaan Gred B41 adalah lebih baik.

**“Selamat Maju Jaya”**

**Bahagian Peperiksaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia**